

TR 1:8:75

UCAPAN PERDANA MENTERI DI MAJLIS  
PENYAMPAIAN HADIAH KARYA SASTERA  
1974 DI HOTEL HOLIDAY INN, KUALA  
LUMPUR PADA 2HB OGOS, 1975

Tuan Haji Sujak, Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka,  
Y.B. Menteri-menteri, Dif-dif yang terhormat, Saudara-saudara  
sekalian.

Saya amat sukacita dan bersyukur kerana pada malam ini saya  
dapat menemui saudara-saudara dari golongan penulis dan budaya-  
wan tanahair yang berkumpul setahun sekali pada malam ini.  
Saya juga merasa gembira mengalu-alukan kehadiran para  
tetamu dari jauh dan dekat yang ikut sama memeriahkan malam  
yang besar ertinya dalam kehidupan budaya kita.

Meskipun lazimnya saya lebih sibuk dengan soal-soal negara  
sebagai seorang politik tetapi ini tidaklah mengurangkan minat  
saya kepada bidang kesusasteraan dan kebudayaan. Kita semua  
maklum, kehidupan politik kita tidak akan bermunafaat kalau  
kemajuan kita dalam lapangan kebudayaan tidak seimbang dengan  
kemajuan dalam lapangan lain.

Saya teringat akan pepatah yang dalam Bahasa Inggeris—not by  
bread alone—dan kerana itulah saya berusaha memperseimbang-  
kan dan menstabilkan kehidupan bangsa kita dalam semua  
lapangan. Kehidupan material dan kehidupan budaya sebaik-baik-  
nya hendaklah maju sama serentak kerana kedua-dua itu sangkut  
menyangkut satu dengan yang lain. Kemajuan dan ketinggian mutu  
sastera tidak akan dapat menjadi cermin kemajuan dan ketinggian  
mutu pemikiran dan perasaan bangsa kita. Kemajuan dan ke-  
tinggian kesusasteraan juga menjadi ukuran bagi kemajuan dan  
ketinggian daya imaginasi dan kreativiti bangsa kita yang muda  
ini dalam memikul tugas masing-masing dalam lapangan hidup  
masing-masing.

Saya percaya saudara-saudara tidak salah faham bahawa politik  
itu bersifat menekan terhadap perkembangan kesusasteraan dan  
tentu sekali tidak dalam negara Malaysia ini. Jika dikatakan  
budayawan sasterawan itu mempunyai tugas untuk menyatakan

kebenaran maka politik yang sihat dalam negeri ini tidak pernah dan tidak akan berniat untuk menegakkan tujuan politik itu dengan menafikan kebenaran. Dan apa yang dikatakan kebenaran itu sebenarnya adalah amat terpengaruh oleh berbagai-bagai unsur nilai yang diterima oleh kehidupan sesuatu masyarakat dari satu bangsa dalam satu negara dan dalam satu zaman.

Saudara-saudara sekalian,

Saya sesungguhnya ingin melihat sastera kita mencapai mutunya yang tertinggi sebagai bayangan dari nilai-nilai hidup yang kita terima dan kita junjung tinggi dalam budi bicara manusia sejagat atau universal values.

Tahun yang lalu dalam pertemuan seperti ini di Lake Club, saya telah menyatakan rasa dukacita saya kerana pengalaman semenjak Hadiah Karya Sastera dimulakan pada tahun 1971 kita telah melihat adanya sasterawan yang memberikan sumbangan terus menerus—constant—dan tetap pula menjaga nilainya. Maka itulah saya telah mencadangkan supaya mulai tahun 1974 disediakan pula hadiah untuk para penulis perseorangan yang benar-benar menunjukkan daya produktiviti yang tetap dan di samping itu tetap pula menjaga mutu yang tinggi. Hanya dukacita sedikit seperti diterangkan oleh Pengerusi Panel tadi dalam tahun 1974 tidak ada penulis yang mencapai taraf tersebut. Tetapi saya tidak merasa keciwa atas perkara ini kerana saya faham bahawa ilham menulis itu memang ada pasang surutnya. Saya harap dalam tahun-tahun akan datang tentu akan ada penulis-penulis kita yang akan menerima hadiah khas tersebut dan membuka jalan kepada penulis-penulis yang lain seterusnya.

Hal ini juga membuktikan apa yang saya katakan tahun lalu bahawa seperti dalam lapangan-lapangan lain, dalam lapangan ke-susasteraan juga kita masih lagi dalam peringkat pembangunan. Kita haruslah berhati-hati dan melangkah setapak demi setapak, tetapi tetap dan pasti menuju ke arah kemajuan dan ketinggian yang diharapkan itu.

Pada akhirnya kelak akan sampai juga masanya di mana penghargaan negara yang setinggi-tingginya akan diberikan kepada para sasterawan kerana jasa-jasa mereka berdasarkan pencapaian

mutu yang tertinggi. Untuk masa ini Hadiah Sastera yang diberikan tetap sesuai dengan kadar kemajuan sastera kita sambil membangunkan ke arah kemajuan yang lebih tinggi.

Saudara-saudara sekalian,

Patut juga saya jelaskan di sini mengenai Hadiah Karyawan yang sepatutnya dimulakan tahun lalu sebagai satu langkah untuk meninggikan penulisan berita dalam akhbar-akhbar yang menggunakan Bahasa Kebangsaan. Saya diberitahu ada sedikit kerumitan tentang kriteria yang patut dipakai bagi menentukan makalah ataupun rencana yang dipilih untuk hadiah tersebut. Apakah hanya terbatas kepada straight reporting ataupun termasuk juga ulasan berita seperti yang disiarkan dalam Dewan Masyarakat atau Radio/Televisiyen Malaysia. Bagaimanapun, kita berharap tahun 1975 ini Panel Hadiah Karyawan itu akan dapat menentukan kriteria dan meneruskan tugas mereka.

Saudara-saudara sekalian,

Saya sekali lagi ingin menyampaikan terimakasih saya kepada para anggota Panel, kepada para penulis yang tidak jemu-jemu mencipta dan mempertingkatkan mutu ciptaan mereka dan kepada para penerbit yang memberikan kerjasama untuk penerbitan bahan-bahan sastera kita. Saya juga mengucapkan tahniah kepada Dewan Bahasa dan Pustaka yang tetap dapat menyelenggarakan urusan hadiah sastera ini dengan baiknya.

Akhir sekali, saya mengucapkan tahniah kepada para penulis yang berjaya dalam tahun 1974 yang akan menerima hadiah bagi karya-karya mereka sebentar lagi.